



### **HEBAHAN TERKINI PEMULANGAN YURAN DESASISWA**

Pihak Universiti Sains Malaysia mengambil maklum mengenai kekhawatiran pelajar mengenai status pemulangan Yuran Desasiswa dan sebahagian Yuran Kebajikan dan Kemudahan yang ditentukan selepas pihak Universiti mengumumkan mengenai kesediaan Universiti memberi pemulangan kepada pelajar bagi Semester 1 Sidang Akademik 2020/2021. Kenyataan MPP pada 22 Januari 2021 adalah berkaitan.

Untuk makluman, proses pengembalian semula Yuran Siswa kepada 14,500 orang pelajar yang layak telah bertembung dengan proses pengagihan peruntukan tahun 2021 dan kerja-kerja penutupan Akaun Tahunan 2020 (sebagaimana keperluan akta). Sehubungan dengan itu, Jabatan Bendahari telah berusaha untuk memastikan semua keperluan diselesaikan mengikut keutamaan.

Berikut merupakan gerak kerja di Jabatan Bendahari dalam memproses bayaran balik kepada pelajar:

#### **Fasa Pertama – bayaran akan dikreditkan ke akaun bank pelajar pada 27 Januari 2021**

- a. Melibatkan pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang membuat permohonan melalui Sistem Campus Online dan memberi maklumbalas kepada HAC pada Disember 2020.
- b. HAC telah menyerahkan data tersebut kepada Jabatan Bendahari pada 18 Disember 2020 hingga 22 Disember 2020 mengikut kampus.
- c. Pada 5 Januari 2021, HAC telah mengenalpasti 612 orang pelajar yang disemak semula kelayakan dan perlu dikeluarkan untuk bayaran pada Fasa Pertama.

#### **Fasa Kedua – bayaran akan dikreditkan ke akaun bank pelajar pada 10 Februari 2021**

- a. Melibatkan pelajar yang dikeluarkan pada Fasa Pertama dan sekumpulan pelajar yang tercicir dari senarai Fasa Pertama.
- b. HAC telah menyerahkan data tersebut kepada Jabatan Bendahari pada 5 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021 mengikut kampus.

Fasa bayaran tersebut adalah tertakluk kepada semua pelajar yang telah mengemaskini maklumat akaun bank dengan lengkap. Bagi mana-mana pelajar yang masih gagal mengemaskini maklumat akaun bank, bayaran balik tidak akan dibuat selepas Fasa Kedua. Sebaliknya, Jabatan Bendahari akan menolak lebihan tersebut dengan amaun yang perlu dibayar pada semester hadapan.

**PUSAT PERUMAHAN DAN PENGINAPAN UNIVERSITI (HAC)  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**ISNIN, 25 JANUARI 2021**